


Buku Kerja Kanak-Kanak

Untuk Lingkungan Umur

7 8



Berdasarkan Kepada
Siri Penjelajahan Alkitab Kanak-Kanak
Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

SAMPLE

Buku Kerja

Kanak-Kanak

Untuk Lingkungan Umur 7-8

Berdasarkan Kepada
Siri Penjelajahan Alkitab
Kanak-Kanak

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Miriam Loh
Disunting oleh Debbie Loh



Hak Cipta



Terjemahan The Children's Bible Explorer Series *Epic of the Apostle Vol.1*
Diterbitkan di Malaysia pada 2015 oleh Pristine World Sdn. Bhd

Hak Cipta © 2015 Pristine World Sdn. Bhd, Malaysia
Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman, imbasan, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Ayat-ayat Alkitab dipetik daripada ALKITAB BERITA BAIK. Hak cipta ©
2001,
The Bible Society of Malaysia.



Isi Kandungan

Pelajaran 1	Kelahiran Gereja Perjanjian Baru di Yerusalem	4
Pelajaran 2	Petrus dan Yohanes	6
Pelajaran 3	Kehidupan Gereja Awal Yerusalem - Ananias dan Safira	8
Pelajaran 4	Kehidupan Gereja Awal Yerusalem- Pembebasan Ajaib Dari Penjara	10
Pelajaran 5	Stefanus - Penindasan dan Penyebaran Gereja Yerusalem	12
Pelajaran 6	Injil Disebarkan ke Samaria	14
Pelajaran 7	Saulus si Penyeksa Berjumpa Yesus - Dalam Perjalanan ke Damsyik	16
Pelajaran 8	Saulus Bertemu Dengan Rasul-Rasul	18
Pelajaran 9	Keajaiban dan Penglihatan Petrus	20
Pelajaran 10	'Sudah Rasmi: Injil Untuk Semua Orang - Termasuklah Bukan Yahudi'	22
Pelajaran 11	Barnabas Si Pendorong dan Gereja di Antiokhia	24
Pelajaran 12	Penindasan di Yerusalem dan Cubaan Petrus Melarikan Diri	26
Pelajaran 13	Epilog kepada Kisah Rasul-Rasul Jilid 1	28
Nota		30

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 1: Kelahiran Gereja Perjanjian Baru di Yerusalem

Tema:

Tuhan memberikan Roh-Nya untuk tinggal di dalam kita dan menjadi saksi-Nya.

Tujuan Pembelajaran:

Belajar untuk berserah kepada Roh Allah yang ada di dalam kamu untuk memberikan keberanian bercerita tentang Yesus kepada orang lain.

Petikan Alkitab:

Kis 1:11, 26, 2:1-47

Ayah Hafalan:

Tetapi kamu akan menerima kuasa, apabila Roh Allah datang kepada kamu. Lalu kamu akan menjadi saksi-saksi-Ku di Yerusalem, di seluruh Yudea, dan Samaria, serta sampai ke hujung bumi. Kis1:8



Pengajaran Cerita ini:

Roh Allah menolong umat Kristian awal untuk memberitakan khabar tentang Yesus. Ramai orang yang percaya dan mereka membangun gereja yang pertama.

Persediaan: Apakah maksud saksi? Beritahu guru tentang perkara luar biasa atau istimewa yang anda telah lihat pada minggu lepas.

Aktiviti 1: Isikan tempat kosong dengan ayat yang betul berdasarkan pilihan yang diberi (a, b, c, d) untuk menyusun cerita berikut.

Orang-orang yang percaya Yesus mengadakan pertemuan. Suara yang kuat kedengaran dari syurga dan angin kencang memenuhi tempat itu.

Petrus bercerita kepada orang-orang tentang Yesus yang telah disalib dan dihidupkan semula oleh Tuhan.

Ramai orang bertaubat dan percaya kepada Yesus. Mereka kemudian dibaptis.

d. Mereka menjadi komuniti yang dikenali sebagai gereja.

b. Orang-orang percaya boleh bertutur dalam pelbagai bahasa kerana mereka dipenuhi dengan Roh Allah.


a. Yesus kembali ke syurga.

c. Petrus meminta orang ramai bertaubat daripada dosa dan mempercayai Yesus.

Aktiviti 2 - Apakah Pemahaman Anda Tentang Roh Allah?

Lukis atau tulis perkataan di dalam kotak di bawah untuk membantu anda memahami bagaimana Alkitab menjelaskan Roh Allah. Baca soalan ini untuk membantu anda:

1. Apakah yang berlaku kepada orang-orang itu ketika mereka berkumpul? Apakah yang terjadi? (Kis 2:3)
2. Sebelum itu, apakah yang datang dari syurga dan memenuhi tempat itu? (Kis 2:2)
3. Mengapakah orang-orang di tempat itu boleh berkata-kata dalam bahasa yang tidak dipelajari oleh mereka? Siapakah yang menolong mereka untuk melakukan perkara yang tidak boleh dilakukan oleh mereka sendiri? (Kis 2:4)
4. Lihat Yohanes 14: 16 dalam Alkitab anda. Bagaimanakah Yesus menerangkan Roh Allah?



Penerapan:

Apabila sesuatu itu sukar untuk dilakukan, seperti taat kepada ibu bapa atau guru, atau memberitahu rakan anda tentang Yesus, siapakah yang boleh menolong anda?

Buat satu penanda buku yang berwarna-warni dengan perkataan ini sebagai peringatan kepada diri sendiri.

Alat-alat yang diperlukan: Kad, pensel warna atau pen warna, pelekat, serbuk berkilau, daun atau bunga kering untuk hiasan, gam, reben, penebuk lubang,.

R_____ A_____ membantu saya.

Bahan Doa:

Bapa kami yang di syurga, sebelum Yesus kembali kepada-Mu, Dia memberitahu murid-murid-Nya tentang kurnia yang Engkau hantar kepada mereka dan sekarang kepada kami. Terima kasih untuk kurnia R___h Al___h ini. Bantu saya untuk lebih memahami Roh Allah dan biarlah Roh Allah memimpin saya. Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 2: Petrus dan Yohanes

Tema:

Hadiah paling bernilai yang boleh diberikan kepada orang lain ialah cerita tentang Yesus dan apa yang Dia telah lakukan untuk anda.

Tujuan Pembelajaran:

Untuk memberitahu rakan anda tentang Yesus dan kuasa-Nya yang boleh menyelamatkan dan menyembuhkan.

Petikan Alkitab:

Kis 3:1-25; Kis 4:1-31

Ayah Hafalan:

Tetapi Petrus berkata kepadanya, "Aku sama sekali tidak mempunyai wang, tetapi apa yang ada pada ku akan aku berikan kepada mu: dengan kuasa Yesus Kristus orang Nasaret itu, berjalanlah!" Kis 3:6



Pengajaran Cerita ini:

Petrus dan Yohanes sedar bahawa iman kepada Yesus merupakan akar kepada mukjizat, seperti penyembuhan. Keajaiban terjadi untuk menunjukkan siapa Yesus sebenarnya.

Persediaan: Ceritakan tentang hadiah paling istimewa yang anda dapat. Kemudian, fikirkan apa yang anda ingin kongsi kepada orang lain. Apakah yang membuatkan anda ingin berkongsi perkara atau benda ini?

Aktiviti 1: Isikan tempat kosong dengan menggunakan perkataan dalam kotak di bawah.

1. Petrus dan Yohanes berjumpa dengan seorang lelaki lumpuh yang sedang duduk di _____.
2. Mereka menyuruh lelaki itu _____ dan _____.
3. Lelaki itu _____, _____ dan _____.
4. Petrus berkata, " _____ yang menyembuhkan orang ini."
5. Orang ramai yang melihat mukjizat itu _____ dan _____.

	Gerbang Indah	melompat	berjalan	hairan
Yesus	berjalan	bangkit berdiri	kagum	memuji Tuhan


Aktiviti 2:

Membuat Kotak Hadiah

Peralatan:

Sukar: Dua keping kertas tebal untuk membuat kotak. Satu daripada kertas tersebut haruslah lebih besar untuk dijadikan penutup. Ikut diagram dan arahan di bawah.

Senang: Pesan kepada anak-anak untuk membawa kotak kecil seperti kotak bijirin sarapan untuk digunakan sebagai kotak hadiah. mereka boleh menghias kotak tersebut. Untuk hiasan: kertas putih, kertas berwarna, krayon, pen marker, pelekat, butang, benang berwarna-warni, gam, reben dan sebagainya.



Penerapan:

Dia atas sehelai kertas kecil, tulis sesuatu tentang Yesus dan bagaimana hidup anda diubah kerana Dia. Contohnya,

Yesus ialah _____ **. Dia telah mengubah hidup saya kerana** _____.

Simpan hasil tulisan anda di dalam kotak. Setiap kali anda memahami perkara baru tentang Yesus, tuliskan di atas kertas lain dan simpan di dalam kotak yang sama. Tulis sebanyak yang anda boleh sehingga akhir tahun. Kemudian ambil kotak anda dan keluarkan semua kertas tulisan anda. Fikirkan cara bagaimana anda boleh bercerita tentang Yesus dan juga apa yang telah dilakukan-Nya kepada rakan anda.

Bahan Doa:

Bapa kami yang di syurga, terima kasih untuk Yesus yang selalu ada dalam hidup saya. Bantu saya bersaksi tentang Engkau kepada rakan-rakan, sama seperti saya bercerita tentang hal-hal baik yang saya tahu. Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 3: Kehidupan Gereja Awal Yerusalem - Ananias dan Safira

Tema:

Apabila kita bercakap bohong, kita bukan sahaja berbohong kepada orang itu tetapi kita juga menipu Roh Allah.

Tujuan Pembelajaran:

Sebagai peringatan bahawa apabila anda berbohong, anda juga berbohong kepada Roh Allah dan bukan hanya kepada orang tersebut.

Petikan Alkitab:

Kis 5:1-11

Ayah Hafalan:

Janganlah saling mendustai, kerana kamu sudah membuang hidup yang lama dengan semua sifatnya. Kolose 3:9



Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Kematian Ananias dan isterinya merupakan amaran dan pengajaran bahawa kita tidak boleh berbohong atau berpura-pura. Tuhan tahu akan segala sesuatu dan kita harus jujur terhadap satu sama lain.

Persediaan: Adakah anda berbohong sebelum ini? Tentang apa. Bisikkan kepada rakan anda.

Aktiviti 1: Permainan ini perlu dimainkan dengan carta di muka surat sebelah. Setiap anak harus menunggu giliran dan bermain sendiri. Guru boleh membacakan soalan atau arahan dalam kotak.

Peralatan:

1. Duit syiling untuk setiap anak – kepala: maju satu tapak,; ekor: maju dua tapak
2. Penggerak – pemadam, cangkerang kecil atau apa sahaja benda kecil.

Peraturan:

1. Baling duit syiling sebelum bergerak.
2. Anda hanya boleh maju atau undur.
3. Jawab soalan di kotak anda berhenti. Jika anda tidak dapat menjawab dengan betul, anda harus kembali kepada kotak anda yang sebelumnya.

MULA	Siapa nama isteri Ananias?	Awak jujur. Maju satu kotak ke hadapan.	Ananias dan isterinya mengorbankan semuanya. Betul atau Salah?	Sebut dua perkara tentang Yesus.	X
Bagaimana Ananias mendapat wang itu?	Pergi ke kotak bertanda 'X'	Sebut nama dua orang Rasul.	Apakah perkara berlawanan untuk 'pembongkaran'?	Siapa yang meninggal dunia di dalam cerita ini?	Adakah si isteri memberitahu kebenaran?
Katakan sesuatu tentang Roh Allah daripada buku Kisah Rasul-Rasul.	Eja 'Roh Allah' secara terbalik.	Anda telah menipu. Kembali ke petak MULA.	Eja nama isteri Ananias.	Sebut satu kebenaran tentang Yesus.	Anda telah menipu. Kembali ke petak MULA.
Anda telah menipu. Undur dua petak.	Sebut dua kebenaran tentang dunia.	Tanya satu soalan tentang kisah ini kepada seorang rakan.	SELESAI	Siapa yang berkata "Awak bukan menipu kami, tetapi menipu Allah"?	Eja 'Kebenaran' secara terbalik.

Aktiviti 2:

Apakah yang anda ingat tentang cerita ini? Lengkapkan ayat ini dengan menggunakan lima perkataan atau kurang. (Nota untuk guru – gunakan versi ringkas Kis 5:1-11 sebagai panduan jawapan.)

Ananias telah _____

Safira telah _____

Mereka menjual _____

Petrus bertanya kepada Ananias _____

Akhirnya, Ananias dan Safira _____

Penerapan:

Apakah Yang Saya Tahu Tentang Berbohong – gariskan jawapan yang SALAH.

1. Jika saya bercakap bohong, saya juga **berbohong kepada Tuhan / hanya berbohong kepada orang / menyakiti Roh Allah.**
2. Kebenaran **tidak boleh disembunyikan daripada Tuhan / ialah sesuatu yang diketahui oleh Tuhan/ boleh disembunyikan asalkan saya tidak beritahu orang lain.**
3. Tuhan tahu **segalanya / jika saya berbohong/jika saya tidak bercakap benar / hanya tentang perkara yang saya katakan kepada-Nya dalam doa sahaja.**
4. Berbohong itu **salah / satu dosa/tidak benar / boleh dilakukan sekiranya ia tidak menyakiti orang lain.**

Bahan Doa:

Bapa kami yang di syurga, tolong saya untuk sentiasa ingat bahawa jika saya berbohong, saya juga berbohong kepada-Mu kerana Engkau tahu akan segalanya. Amin.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 4: Kehidupan Gereja Awal Yerusalem - Pembebasan Ajaib Dari Penjara

Tema:

Taat dan takut kepada Tuhan kerana Dia yang melindungi kita, bukan orang di sekeliling kita.

Tujuan Pembelajaran:

Belajar untuk taat dan takut kepada Tuhan daripada takut akan orang di sekeliling kita.

Petikan Alkitab:

Kis 5:17-42

Ayah Hafalan:

Petrus dan rasul-rasul yang lain menjawab, "Kami harus taat kepada Allah dan bukan kepada manusia. Kis 5:29



Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Para rasul tidak berhenti bercakap tentang Yesus walaupun orang lain memberi amaran kepada mereka untuk berhenti. Mereka percaya bahawa mereka harus taat kepada Tuhan dan bukan kepada manusia.

Persediaan: Bercakap tentang bagaimana kita boleh mentaati Tuhan. Guru boleh membimbing dengan mencadangkan supaya kita mengikut ajaran Alkitab, pesan ibu bapa, orang tua atau cikgu.

Aktiviti 1: Pilih jawapan yang betul dalam kotak di bawah.

1. Para _____ dikurung dalam penjara.
2. Pada waktu malam, seorang _____ membuka pintu penjara.
3. Para rasul didapati sedang berdiri di rumah ibadat dan _____ orang ramai.
4. Petrus berkata kepada orang yang menangkapnya, " Kami merupakan _____ kepada perkara ini (kehidupan Yesus)".
5. Para rasul terus memberitahu orang ramai bahawa _____ ialah Penyelamat.

Yesus

malaikat

rasul

mengajar

saksi

Aktiviti 2: Susun perkataan di bawah untuk mengetahui apa yang dikatakan oleh Petrus kepada para pemimpin.

IMAK SARUH AATT PAKEDA LALHA NDA KANUB KADEPA SAIUMAN

Penerapan:

Baca ayat dan soalan di bawah, kemudian tulis jawapan di dalam petak.

Seorang peribadi telah menolong Petrus dan rasul lain untuk memberitakan khabar Yesus dengan penuh keberanian.

Siapakah peribadi tersebut?

Para rasul tidak gentar bercakap tentang Yesus kerana mereka telah melihat kehidupan Yesus dan mengenal Dia. Apakah perkataan lain bagi 'melihat'? (Klu: Kis 5: 32)

Empty rounded rectangular box for writing answers.

Fikirkan:

Jika seorang kawan menyuruh anda mencuri untuk membuktikan keberanian, apakah yang akan anda lakukan?

Ingat: Adalah lebih penting untuk taat dan takut akan Tuhan daripada orang di sekeliling kita. Petrus mentaati Tuhan dan diselamatkan dari penjara!

Bahan Doa:

Bapa kami yang di syurga, akan ada waktunya saya harus memilih sama ada mentaati Engkau atau orang yang memaksa saya membuat kejahatan. Bantu saya mendengar Engkau dan menjadi kuat seperti para rasul. Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 5: Stefanus - Penindasan dan Penyebaran Gereja Yerusaleem

Tema:

Kita harus mengampuni mereka yang berbuat jahat kepada kita.

Tujuan Pembelajaran:

Mengikuti contoh Yesus dengan mengampuni orang yang berbuat jahat kepada anda.

Petikan Alkitab:

Kis 6:1-8:3

Ayah Hafalan:

Jika kamu mengampuni orang yang bersalah terhadap kamu, Bapa kamu yang di syurga pun akan mengampunkan kesalahan kamu. Matius 6:14



Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Stefanus merupakan orang Kristian pertama yang mati kerana imannya. dia mencontohi Tuhan Yesus dengan berdoa bagi pengampunan untuk orang-orang yang merejamnya sampai mati.

Persediaan: Apakah

erti "mengampuni" bagi anda? Kongsi beberapa contoh kepada rakan anda.

Aktiviti 1: Ini ialah fail fakta Stefanus. Lukis gambar Stefanus seperti bayangan anda di dalam petak kecil yang tersedia.

NAMA: STEFANUS

Apakah yang dilakukannya?
(Petunjuk – Kis 6:8)


:
:

Bagaimanakah dia digambarkan?
(Petunjuk – Kis 6:8,10)

:
:

Apakah yang berlaku kepadanya?
(Petunjuk – Kis 6:12, 13 & Kis 7:57-60)

:
:



Aktiviti 2: Kaji – Isi tempat kosong dengan perkataan di dalam petak

1. _____ mengasihi Allah dan berani memberitahu orang lain tentang Yesus.
2. Ada orang yang menjadi _____ dan menipu tentang Stefanus.
3. Stefanus ditangkap tapi dia masih _____ Allah.
4. Orang ramai merejam _____ kepada Stefanus dan membunuhnya.
5. Sebelum Stefanus mati, dia meminta Yesus untuk _____ orang yang menyakitinya.

Memaafkan

batu

Stefanus

mempercayai

cemburu

Penerapan:

Isikan tempat kosong dengan jawapan anda sendiri.

Bilakah kali terakhir seseorang menyakiti anda?	
Apakah perasaan anda?	
Apakah yang anda ingin lakukan kepada orang tersebut?	
Apakah yang dilakukan oleh Stefanus kepada orang yang membunuh dia?	
Apakah yang anda ingin lakukan apabila anda disakiti setelah ini?	

Bahan Doa:

Bapa kami yang di syurga, ada kalanya saya sukar mengampuni orang yang bersalah ke atas saya. Bantu saya mengingati cerita Stefanus untuk mengampuni orang yang menyakiti saya. Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 6: Injil Disebarkan ke Samaria

Tema:

Tuhan mungkin menyukarkan keadaan untuk menyedarkan kita tidak melakukan kehendak-Nya.

Tujuan Pembelajaran:

Belajar untuk memastikan sekiranya hidup anda menurut apa yang Tuhan mahu anda lakukan.

Petikan Alkitab:

Kis 8: 4-40

Ayah Hafalan:

Selidikilah aku, ya Allah, dan selamilah hati ku; ujilah aku dan ketahuilah fikiran ku. Periksalah hati ku sama ada terdapat kejahatan dalam diri ku, dan pimpinlah aku ke jalan yang abadi. Mazmur 139:23-24



Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Penganiayaan umat Tuhan menyebabkan orang Kristian melarikan diri dari Yerusalem ke Yudea dan Samaria. Disana, mereka terus bersaksi tentang Yesus.

Persediaan: Terangkan “ penganiayaan” – Perbuatan jahat dan kekacauan yang serius untuk menghentikan atau melarang kegiatan umat oleh kerana iman mereka. Dari petikan ayat Alkitab, penganiayaan bererti memenjarakan orang Kristian.

Aktiviti 1: Padankan perkataan dengan frasa yang terdapat dalam cerita. Pilih dari perkataan di bawah.

Bersaksi	<input type="text"/>
Tolong	<input type="text"/>
Menerima	<input type="text"/>
Mengusir	<input type="text"/>
Sembuh	<input type="text"/>

orang sakit

Roh Allah

roh jahat

pegawai Etiopia memahami kitab Yesaya

Berita Baik tentang Yesus

Aktiviti 2:

Bayangkan anda Filipus. Anda berjumpa dengan pegawai Etiopia yang bertanya tentang Yesus. Isi tempat kosong di bawah untuk membantu pegawai Etiopia memahami cerita yang sedang dibacanya. (Nota untuk guru – ringkaskan Kis 32-33 untuk membantu anak-anak)

Kemudian, lakonkan situasi tersebut berdasarkan apa yang anda tulis kepada rakan anda. Pilih seorang untuk menjadi pegawai Etiopia yang bertanya “Siapakah orang yang dimaksudkan dalam cerita ini?”

Orang ini ialah Yesus. Dia

Penerapan:

Baca soalan dan nilai diri anda, 1 ialah tidak pernah dan 5 ialah selalu.

	tidak pernah	jarang	kadang-kadang	kerap	selalu
Anda berkongsi perkara yang baik dengan orang lain.	1	2	3	4	5
Anda mengucapkan “terima kasih “ apabila seseorang menolong anda.	1	2	3	4	5
Anda meminta maaf apabila melakukan perkara yang salah.	1	2	3	4	5
Anda memuji dan bersyukur kepada Yesus kerana mengasihi anda.	1	2	3	4	5
Anda bercerita tentang Yesus kepada kawan-kawan anda serta memberitahu bahawa Dia mengasihi dan mengampuni mereka juga.	1	2	3	4	5

Bahan Doa:

Bapa kami yang di syurga, terima kasih kerana memberkati saya dengan perkara yang baik. Tetapi apabila waktu sukar, tolong saya untuk sedar bahawa perkara yang baik masih boleh berlaku, seperti memberitahu orang lain tentang Yesus. Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 7: Saulus si Penyeksa Berjumpa Yesus - Dalam Perjalanan ke Damsyik

Tema:

Hidup kita akan berubah apabila kita benar-benar tahu bahawa Yesus ialah Tuhan dan Juru selamat kita.

Tujuan Pembelajaran:

Menjadi setia kepada Yesus dan membenarkan Dia mengubah hidup anda.

Petikan Alkitab:

Kis 9: 1-22

Ayah Hafalan:

Apabila seseorang bersatu dengan Kristus, orang itu menjadi manusia baru. Yang lama sudah lenyap dan yang baru bermula. 2 Korintus 5:17



Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Setelah bertemu dengan Tuhan yang telah bangkit, Saulus berubah daripada seorang yang membenci umat Tuhan kepada seorang yang mengasihi Yesus Kristus dan mengajar tentang-Nya.

Aktiviti 1:

Bagaimanakah Saulus berubah? Lukis atau tulis beberapa perkataan untuk menunjukkan bagaimana sikapnya sebelum dan selepas bertemu dengan Yesus. (Nota untuk Guru: Ini merupakan aktiviti bebas untuk menggalakkan pemikiran kritikal di kalangan anak-anak. Contoh jawapan di dalam Buku Panduan Guru hanyalah sebagai rujukan dan guru harus mempertimbangkan setiap jawapan yang diberi.)

Perkara yang dia akan katakan

Matanya

Perbuatannya

Sebelum	Selepas

Aktiviti 2:

Mari bermain untuk membantu Ananias mencari Saulus. (Permainan ini agak sama seperti 'Battleship'.) Anda perlukan: pensel dan pemadam, token (benda kecil seperti duit syiling atau butang). Dapatkan arahan daripada guru anda.

Arahan:


1. Dalam petak di bawah, pilih lima petak secara rawak dan tandakan dengan pensel.
2. Dalam petak pertama yang anda pilih, tandakan 'S' untuk Saulus.
3. Dalam empat petak yang lain yang telah dipilih, tandakan masing-masing dengan 'P' = Pasar, 'X' = salah jalan, 'P' = Polis dan 'R' = Rakan
4. Cari seorang rakan untuk bermain permainan ini.
5. Pemain pertama, A, memilih satu petak dengan menyebut huruf dan nombor petak tersebut, contohnya C4.
6. Pemain yang satu lagi, B, meletakkan token di dalam petak tersebut sekiranya ia kosong. Jika petak tersebut telah ditandakan dengan P, X, P atau R, ini bermaksud Ananias terganggu atau memilih jalan yang salah, dan pemain A kehilangan peluang bermain untuk satu pusingan yang seterusnya. (= B mendapat 1 peluang tambahan. Jika B memilih petak yang bertanda pada pusingan ini, A mendapat dua pusingan tambahan). Setiap kali satu petak dipilih, pindahkan token kepada petak tersebut.
7. Setiap pemain akan terus memilih petak sehingga petak yang bertanda 'S' untuk Saulus, ditemui.

	1	2	3	4	5
A					
B					
C					
D					
E					
F					

Penerapan:

Apakah jenis haiwan yang anda tahu boleh berubah dari bentuk telur atau bayi sehingga bentuk dewasa?

Lukis haiwan tersebut di sini dalam dua bentuk yang berbeza.



Siapakah anda sekarang	Perkara terbaik yang anda lakukan kerana Yesus
Contoh: Saya menolong orang tua saya apabila diminta	Membantu orang tua saya sebelum mereka meminta

Bahan Doa:

Bapa kami yang di syurga, tolong saya untuk membaca Firman-Mu dan mendengarkan Engkau, supaya saya dapat berubah menjadi seorang yang lebih baik. Terima kasih Yesus kerana membantu saya menjadi lebih baik. Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 8: Saulus Bertemu Dengan Rasul-Rasul

Tema:

Mentaati Tuhan kadangkala boleh menjadi sukar dan berasa bersendirian, jadi kita mesti mendorong satu sama lain kerana orang Kristian adalah satu di dalam tubuh Kristus.

Tujuan Pembelajaran:

Mendorong satu sama lain untuk mengasihi orang lain, menurut apa yang diperintahkan oleh Tuhan untuk menyenangkan Dia.

Petikan Alkitab:

Kis 9:23-31

Ayah Hafalan:

Hendaklah kita perhatikan satu sama lain, supaya kita dapat saling memberikan dorongan untuk mengasihi satu sama lain dan untuk melakukan hal yang baik. Ibrani 10:24



Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Barnabas mengajar kita tentang dorongan. Apabila dia melihat Paulus benar-benar sudah berubah, dia meminta rasul yang lain untuk menerima dia.

Persediaan: Saling bertukar pendapat tentang maksud “mendorong”

Aktiviti 1: Tuliskan ayat yang berkaitan dengan gambar dalam cerita.

Gunakan senarai perkataan untuk membantu anda.

Contoh: Paulus melarikan diri di dalam bakul.



Senarai perkataan

melarikan diri
orang ramai
membunuh
bakul
dinding
menerima

bertemu
para rasul
takut
Barnabas
bercakap



Aktiviti 2:

Duduk dalam bulatan. Karangkan sebuah puisi akrostik untuk rakan yang berada di sebelah kanan anda. Dengan menggunakan huruf dalam nama mereka, karang puisi yang menceritakan kebaikan mereka. Lihat contoh di dalam petak berikut.

Kemudian berikan puisi itu kepada rakan anda!

Bahan-bahan: Kertas berwarna, markers, krayon, bahan-bahan lain yang ingin digunakan sebagai hiasan.

Apakah Puisi Akrostik?


Sara seorang yang baik
Amat bersopan santun
Rajin berdoa sentiasa
Anak Tuhan yang sangat taat

Untuk Guru:

Sekiranya ia terlalu sukar, anda boleh berikan ini sebagai contoh:

S
A
R
A

Contoh



Penerapan:

Fikirkan satu cara untuk mendorong orang lain. Bincangkan cara dan tuliskan di dalam petak di bawah.

Dua contoh telah diberikan. Bincangkan cara-cara dan idea dengan kelas. Pulanglah dan mula menerapkan idea-idea tersebut dengan ahli keluarga dan rakan-rakan di sekolah. Minggu hadapan, beritahu rakan anda apa yang anda telah lakukan.

katakan "Bagus sekali"

berikan sebuah pelukan

Bahan Doa:

Bapa kami yang di syurga, terima kasih untuk cerita tentang Barnabas. Tolong saya untuk menjadi seorang pemerhati, pendengar dan pembicara kepada orang lain supaya saya dapat mendorong mereka untuk hidup kudus. Amin.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 9: Keajaiban dan Penglihatan Petrus

Tema:

Tuhan boleh melakukan perkara ajaib melalui kita bukan kerana kita baik tetapi kerana Roh Allah yang ada di dalam kita.

Tujuan Pembelajaran:

Menyedari bahawa kita hanya boleh berbuat mengikut kemampuan kita dan kita masih perlu bergantung kepada Roh Allah.

Petikan Alkitab:

Kis 9:32-10:48

Ayah Hafalan:

Engkau akan berjaya bukan dengan kekuatan tentera ataupun kekuatan mu sendiri, melainkan dengan Roh-Ku. Zakharia 4:6b



Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Roh Allah menolong Petrus melakukan mukjizat dan menunjukkan satu penglihatan bahawa berita baik tentang Yesus adalah untuk semua orang, termasuk orang bukan Yahudi.

Aktiviti 1: Pilih jawapan yang betul.

- Orang ini tidak boleh berjalan sebelum dia disembuhkan.
a. Eneas b. Dorkas/Tabita c. Simon
- Orang ini pandai membuat kain.
a. Eneas b. Petrus c. Dorkas/Tabita
- Orang yang melihat kain besar dan banyak jenis binatang di atasnya?
a. Simon b. Kornelius c. Petrus
- Seorang malaikat Tuhan menyuruh orang ini untuk mencari Petrus.
a. Simon b. Kornelius c. Barnabas
- Tentang siapakah Petrus bercakap apabila dia berjumpa dengan Kornelius?
a. Abraham b. Yesus Kristus c. Raja Daud

Aktiviti 2:

Main sebuah permainan yang bertajuk “ Tanpa deria”. Tiga ahli untuk setiap kumpulan.

Bahan yang diperlukan oleh setiap kumpulan: 2 naskhah surat khabar untuk setiap kumpulan, segulung pita pelekat, 2 kain penutup mata (gunakan sehelai untuk mengikat tangan), satu botol air yang kecil. Perkara yang harus dilakukan: Membina sebuah meja yang boleh menampung berat sebuah botol kecil dengan hanya menggunakan surat khabar dan pita pelekat.

Arahan:

1. Tentukan siapa yang akan menjadi ahli 1,2 dan 3. Setiap ahli mempunyai kekurangan. Lihat jadual di bawah.

Ahli 1	Mata ditutup dengan kain
Ahli 2	Kedua-dua tangan diikat kain
Ahli 3	Tidak dibenarkan bercakap; hanya boleh menggunakan tangan kiri

2. Dengan peraturan di atas, anda harus membina sebuah meja daripada surat khabar. Apa sahaja jenis meja yang dibuat (tidak semestinya meja berkaki empat).Anda hanya boleh menggunakan segulung pita pelekat.
3. Meja tersebut harus kukuh dan boleh menampung botol kecil yang berisi air.
* Sekiranya anak-anak tidak tahu bagaimana hendak bermula, terdapat beberapa panduan di sini;

Arahkan anak-anak untuk : koyakkan kertas untuk membuat gulungan pendek, buat beberapa gulungan surat khabar, buat satu permukaan rata yang kukuh dengan menggunakan beberapa helai surat khabar.

Penerapan:

1. Apakah perasaan anda apabila pergerakan, penglihatan atau percakapan anda terhadap
Saya rasa____
2. Apakah yang anda harus lakukan untuk membentuk meja tersebut? (Bulatkan sebanyak yang anda mahu)
Saya harus: mendengarkan rakan saya dengan teliti / menggerakkan sesuatu dengan rakan yang lain / bersabar / berusaha keras untuk tidak bercakap / menggunakan tangan seseorang
Tambahkan perkara yang anda harus lakukan untuk membentuk meja di sini.
3. Berdasarkan dari cerita, siapakah yang menolong Petrus untuk menyembuhkan Eneas dan membangkitkan Tabita dari maut? R_____ A_____
4. Hidup ini kadang-kala sukar dan tidak adil. Dalam permainan tersebut, anda harus bergantung kepada satu sama lain. Sekarang, siapakah tempat anda bergantung untuk mendapatkan kekuatan dan pertolongan?

Bahan Doa:

Bapa Kami yang di syurga, sekarang saya tahu saya tidak boleh berbuat banyak perkara tanpa Roh Allah. Terima kasih kerana Roh Allah tinggal di dalam saya. Tolong saya untuk bergantung kepada Roh Allah dan tidak berasa angkuh tentang saya melakukan semuanya sendiri. Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 10: 'Sudah Rasmi: Injil Untuk Semua Orang – Termasuk Bukan Yahudi

Tema:

Tuhan mahu semua orang mendengar dan menerima anugerah keselamatan-Nya

Tujuan Pembelajaran:

Bersyukur kepada Tuhan untuk anugerah keselamatan yang diberikan kepada semua orang.

Petikan Alkitab:

Kis 11: 1-18 (rujuk juga Kis 10:1-48)

Ayah Hafalan:

Aku yakin dengan sepenuhnya bahawa Berita Baik itu kuasa Allah yang menyelamatkan semua orang yang percaya kepada Yesus, mula-mula orang Yahudi, dan juga orang bukan Yahudi. Roma 1:16



Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Petrus sedar bahawa Tuhan sedang memberikan hala tuju yang baru kepada umat-Nya – memberitakan Injil kepada orang bukan Yahudi.

Aktiviti 1: Bulatkan perkataan yang betul

1. Pada mulanya, orang Yahudi yang percaya kecewa / gembira dengan lawatan Petrus ke Kornelius.
2. Petrus memberitahu / memarahi orang Yahudi yang percaya akan penglihatannya tentang banyak binatang di atas sehelai kain.
3. Tuhan memberitahu Petrus bahawa Dia telah menjadikan semua binatang dimasak / halal.
4. Akhirnya, orang Yahudi yang percaya memuji / cemburu dengan kenyataan bahawa Tuhan juga mengampuni serah mengasihi orang bukan Yahudi.

Aktiviti 2:


Cari perkataan yang tersembunyi di dalam kotak.

1. Orang bukan Yahudi
2. Orang Percaya
3. Keselamatan
4. Injil
5. Roh Allah
6. Halal
7. Para Rasul
8. Dibaptis

O	R	A	N	G	B	U	K	A	N	Y	A	H	U	D	I
R	S	B	A	Y	F	A	R	Y	A	L	Y	A	U	K	O
A	A	I	N	J	I	L	V	A	U	A	P	A	E	A	S
N	D	H	A	U	A	Z	S	S	S	A	D	S	A	P	P
G	I	A	A	G	A	A	A	G	A	O	E	D	R	H	M
P	A	V	A	H	A	R	A	A	U	L	A	I	V	A	N
E	L	C	W	R	A	A	W	A	A	A	L	B	B	L	A
R	S	A	X	R	A	L	A	M	C	A	C	A	A	L	C
C	A	K	A	K	A	E	A	E	A	M	I	P	W	A	A
A	Z	P	E	A	R	T	D	L	A	A	U	T	A	H	P
Y	A	C	R	A	A	U	A	M	T	Y	O	I	A	O	Q
A	E	T	T	N	J	H	A	C	X	V	V	S	A	R	Z

Penerapan:

Buat satu doa lukisan tangan untuk berterima kasih kepada Tuhan atas berita baik yang di berikan kepada semua orang. Lukiskan bentuk tapak tangan anda di dalam petak. Tulis sebuah doa pendek di dalam lukisan tangan, kemudian tuliskan perkataan seperti di bawah. Mulakan dari ibu jari dan akhiri dengan jari kelengkeng.



Gunakan contoh di bawah sebagai panduan:

Saya memuji Tuhan untuk _____
 Terima kasih Tuhan untuk _____
 Maafkan saya sekiranya kadang-kala _____. Tolong _____ (orang lain) dan tolong _____ (saya). Amen

Bahan Doa:

Sekarang, bacakan doa lukisan tangan anda kepada seorang rakan. Kemudian, setiap kali anda membasuh tangan, ingatlah untuk bersyukur dan berdoalah seperti inti dalam hati anda.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 11: Barnabas Si Pendorong dan Gereja di Antiokhia

Tema:

Tuhan memakai orang percaya yang baik dan taat serta dikuasai oleh Roh Allah untuk membangun umat-Nya.

Tujuan Pembelajaran:

Belajar menjadi pengikut Yesus yang baik dan taat.

Petikan Alkitab:

Kis 11:19-30

Ayah Hafalan:

Barnabas seorang yang baik, dikuasai oleh Roh Allah dan sangat percaya kepada Tuhan, dan banyak orang mengikut Tuhan. Kis 11: 24



Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Jumlah umat di Antiokhia berkembang dengan pesat. Barnabas, seorang yang dikuasai oleh Roh Allah dan taat, pergi membantu umat Tuhan. Dia mendorong Saulus (Paulus) untuk membantunya membangun umat Antiokhia.

Aktiviti 1: Lengkapi ayat dengan frasa yang betul di dalam petak.

1. Ramai orang di Antiokhia _____.
2. Barnabas merupakan seorang _____.
3. Pengikut Yesus pertama kali dipanggil sebagai _____.
4. Barnabas mencari Saulus dan _____.

membawanya ke Antiokhia	yang baik, dikuasai Roh Allah
orang Yunani (bukan Yahudi)	Kristian di Antiokhia
percaya kepada Tuhan	

Aktiviti 2:

Lukiskan atau tuliskan beberapa aksi yang akan dilakukan oleh pengikut Yesus yang taat dalam petak. Beberapa contoh telah diberikan. (Nota kepada guru: Bersedia untuk menggalakkan anak-anak)

Di rumah	Menolong orang tua saya dengan mengemas barang permainan	Membaca Alkitab dan berdoa dengan keluarga
Di sekolah	Berkongsi	
Di taman permainan		Menjaga keselamatan kanak-kanak yang lain
Di		

Penerapan:

Fikirkan seorang peribadi dalam Alkitab yang ingin anda contohi. Mungkin beliau seorang yang anda baru baca. Senaraikan tiga perkara yang mereka lakukan dan tiga perkara yang anda boleh lakukan untuk menjadi seperti peribadi tersebut. (Nota untuk guru: Ini boleh menjadi bahan ulang kaji untuk karakter di Kis)

Apa yang telah dia lakukan

- 1.
- 2.
- 3.

Apa yang saya boleh lakukan

- 1.
- 2.
- 3.

Bahan Doa:

Bapa kami yang di syurga, terima kasih untuk contoh peribadi yang baik dalam Alkitab. Tolong saya untuk menjadi seseorang yang mengikut Yesus dengan taat. Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 12: Penganiayaan di Yerusalem dan Pembebasan Paulus

Tema:

Kita tidak perlu tawar hati apabila perkara yang buruk berlaku kepada kita. Kita harus berdoa kepada Tuhan dan percaya bahawa Dia akan mengangkat kita.

Tujuan Pembelajaran:

Berdoa kepada Tuhan dan percaya kepada-Nya apabila masalah dan kesusahan berlaku dalam hidup kita.

Petikan Alkitab:

Kis 12: 1-25

Ayah Hafalan:

Aku berdoa kepada TUHAN dan Dia mengabulkan doa ku, Dia membebaskan aku daripada segala ketakutan. Mazmur 34:4




Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Walaupun Herodes cuba menghukum umat dan memenjarakan Petrus, orang Kristian tidak tawar hati. Mereka terus berdoa dan Tuhan membebaskan Petrus secara mukjizat.

Persediaan: Bertukar –tukar cerita tentang perkara yang membuat anda tawar hati.

Aktiviti 1: Tuliskan nombor di sisi gambar untuk menceritakannya dalam urutan yang betul. Dengan perkataan anda sendiri dan berdasarkan gambar berikut, ceritakan kisah tersebut kepada rakan anda.




Aktiviti 2:

Buat sebuah penggantung pintu dengan menulis ayat hafalan hari ini.

Gantungkannya di pintu bilik tidur untuk mengingatkan anda bahawa walaupun hidup ini sukar, Tuhan selalu membuka pintu yang baru bagi anda.

Bahan-bahan: Kertas, *markers*, gunting, cawan untuk melukis bulatan, pembaris.



Penerapan:

Katakan saat sukar, tentukan masalah dan beritahu Tuhan tentangnya. Anda mungkin memerlukan pertolongan dari guru anda. Contoh diberikan seperti di bawah.

Katakan saat sukar	tentukan masalah (atau perasaan)	beritahu Tuhan
<i>Saya dipersalahkan terhadap perkara yang saya tidak lakukan</i>	<i>la tidak adil</i>	<i>Tolong saya untuk bersabar dan berdepan dengan ketidakadilan dalam hidup</i>
1.		
2.		
3.		

Bahan Doa: Dengan menggunakan penerapan dia atas, isikan tempat kosong untuk menulis doa anda:

Bapa kami yang di syurga, saat ini saya ingin memberitahu tentang masalah yang saya sedang hadapi: _____. la _____. Tolong _____. Amen

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 13: Pengakhiran Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Tujuan Pembelajaran:

1. Percaya kepada Yesus untuk keselamatan saya dan meminta Yesus untuk menjadi Tuhan saya.
2. Berdoa untuk pertolongan dalam memberitakan Berita Baik kepada rakan-rakan saya

Ayah Hafalan:

Hafal ayat ini dari Pelajaran 1: Tetapi kamu akan menerima kuasa, apabila Roh Allah datang kepada kamu. Lalu kamu akan menjadi saksi-saksi-Ku di Yerusalem, di seluruh Yudea, dan Samaria, serta sampai ke hujung bumi. Kis1:8



Belajar

Pengajaran Cerita ini:

1. Keselamatan diberikan melalui iman kepada Tuhan Yesus. Tidak ada jalan lain kepada Tuhan melainkan dengan iman dalam Yesus.
2. Para rasul diberikan tugas untuk menyebarkan Berita Baik. Mereka melakukan misi ini dengan serius walaupun orang ramai cuba menghalang dan menghentikan mereka serta cuba membuatkan keadaan sukar bagi mereka.
3. Para rasul mendapat bimbingan dari Firman Tuhan dan mereka mentaati arahan dari Roh Allah. Ini membantu mereka dalam menyebarkan Berita Baik dan juga Kasih Tuhan.

Aktiviti 1: Dengan perkataan anda sendiri, tuliskan apa yang anda ingat tentang (Guru perlu memulakan.)

Keselamatan. Keselamatan ialah.....

Para Rasul. Para Rasul.....

Roh Allah. Roh Allah....



Buat satu kertas rentang seperti di dalam gambar, tentang apa yang anda pelajari dari Kisah Rasul-Rasul. Gantungkannya di dalam kelas. (satu rentang untuk satu kelas)

* Guru. Bahan-bahan: Tali pintal/ rafia, kertas berwarna yang dipotong dalam pelbagai bentuk, pin/ penyepit kain

Arahan:

1. Setiap anak mendapat tiga keping kertas daripada guru.
2. Tuliskan perkara yang anda ingat di atas, satu kertas untuk satu perkara.
3. Sepit kertas tersebut pada tali. Gantung kertas rentang di kelas.

Aktiviti 2:

Adakah anda masih ingat?

Apa yang dilakukan oleh orang-orang berikut? Apa yang terjadi kepada mereka? Buat padanan yang tepat.

- | | | | |
|----------|---|---|--|
| Petrus | • | • | Mendorong Saulus dan umat yang lain untuk mengongsi tentang Yesus. |
| Saulus | • | • | Memberitahu orang lain tentang Yesus dan dibunuh dengan batu. |
| Stefanus | • | • | Diubah oleh Yesus dan berhenti menyakiti orang Kristian |
| Barnabas | • | • | Menyembuhkan peminta sedekah yang tidak boleh berjalan |

Penerapan:

Tuliskan perkataan tersebut ke dalam petak. Ia boleh ditulis di dalam atau luar bentuk hati mengikut kepentingan mereka.

Sekolah	Bersaudara
Rakan-rakan	kasih
kebencian	hobi
Yesus	kawan rapat
Ibu Bapa	haiwan peliharaan
pengampunan	kemarahan



Bahan Doa:

Bapa kami yang di syurga, datanglah dalam hati saya dan jadilah raja dalam hidup saya. Tunjukkan bagaimana untuk mengasihi orang lain dan tunjukkan kasih-Mu kepada mereka. Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Nota

SAMPLE